

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 26 MAC 2014

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan dan penalti yang dikenakan ke atas IWK kerana menyebabkan pencemaran teruk di sisir pantai Batu Ferringhi serta kawasan Masjid Terapung Tanjung Bungah dan Loji IWK di Jelutong, Pulau Pinang baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes pencemaran di Batu Feringghi, Jabatan Alam Sekitar telah memuktamadkan siasatan ke atas punca-punca pencemaran yang berpotensi mencemarkan Sungai Batu Ferringhi dan pantai Batu Ferringhi. Kertas siasatan telahpun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

Jabatan Alam Sekitar membuat siasatan rapi dan menyeluruh terhadap setiap kes pencemaran yang diadukan. Sekiranya terbukti berlaku apa-apa ketidakpatuhan terhadap kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan jika didapati bersalah, mana-mana premis yang tertakluk di bawah Akta berkenaan boleh dikenakan penalti maksimum sebanyak RM100,000 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya di bawah Seksyen 25 (1) Akta yang sama.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Projek Pemuliharaan Pantai Dan Pembaikan Kualiti Air Laut di Batu Ferringhi, Pulau Pinang telah diluluskan sebagai salah satu projek RMKe-10 dalam *Rolling Plan* 2014 - 2015. Kos projek keseluruhan adalah RM14 juta yang melibatkan pembinaan bagi *outlet structure*, *paip structure* dan loji rawatan air.

LATAR BELAKANG

Pantai Batu Ferringhi merupakan sebuah pantai yang popular di Pulau Pinang dan sering menjadi destinasi pelancongan dari dalam dan luar negara. Pantai sepanjang 2.7 km ini sinonim dengan pemandangan yang indah dan sering digunakan untuk kegiatan sukan air dan rekreasi. Di sepanjang Pantai Batu Ferringhi, terdapat 3 sungai yang mengalir ke muara. Antaranya Sungai Batu Ferringhi, Sungai Satu dan Sungai Mas.

Pantai Batu Ferringhi didapati telah tercemar akibat aliran air sungai tercemar yang datang dari Sungai Batu Ferringhi, Sungai Satu dan Sungai Mas. Selain itu, pantai ini turut mengalami masalah hakisan dan penutupan muara yang menghalang air sungai mengalir keluar ke laut. Keadaan ini menyebabkan pencemaran daripada sungai terkumpul di kawasan sekitar muara dan pantai.



Gambar 1 : Gambar Satelit Pantai Batu Ferringhi, Pulau Pinang.

Analisis yang dilaksanakan oleh JPS pada tahun 2007 mendapati secara umumnya terdapat tiga (3) masalah utama di Pantai Batu Ferringhi iaitu:

- 1) Pencemaran Sungai dan Pantai;
- 2) Penutupan Muara-muara Sungai; dan
- 3) Hakisan Pantai.

ISU PENCEMARAN

1. Pencemaran Sungai & Pantai

Punca-punca pencemaran yang dikenal pasti di kawasan Pantai Batu Ferringhi adalah seperti berikut :

- a) Air kumbahan yang tidak dirawat sepenuhnya;

- b) Sisa buangan daripada domestik seperti rumah, gerai pasar malam dan kedai makanan;
- c) Sedimen daripada hakisan tanah akibat projek pembangunan di hulu sungai;
- d) Sampah-sarap yang dibuang oleh pengunjung pantai; dan
- e) Sampah-sarap yang dibawa air laut daripada kawasan lain.



Gambar 2 : Pelepasan sisa domestik terus ke dalam Sungai Batu Ferringhi daripada restoran.



Gambar 3 : Pelepasan air kumbahan ke dalam Sungai Batu Ferringhi daripada IWK.

2. Penutupan Muara Sungai

Analisis mendapati pada musim kering, muara sungai tertutup disebabkan pemendapan akibat interaksi ombak dengan aliran sungai yang rendah. Keadaan ini menyebabkan air tercemar dan berbau busuk terkumpul dan bertakung di kawasan muara sungai. Pada waktu tertentu pula, air sungai yang bertakung dan tercemar akan mengalir di atas pantai dan menjejaskan keindahan pantai.

Di muara Sungai Batu Feringghi tidak tertutup dan pengaliran berjalan lancar walaupun terdapat enapan tercemar melalui muara ini. Manakala muara Sungai Satu dan Sungai Mas masih tertutup.

Fenomena penutupan muara di kawasan Batu Feringghi, Tanjung Bungah dan Tanjung Tokong sering berlaku. Sejak tahun 2012, JPS telah membuat pengorekan secara berkala

bagi setiap muara yang terlibat bagi mengelakkan aliran sungai bertakung dan mengakibatkan banjir.



Gambar 4 : Interaksi ombak dan aliran sungai Sg. Batu Ferringhi.



Gambar 5 : Penutupan Muara Sungai.

3. Hakisan Pantai dan Sungai

Berdasarkan lawatan tapak yang dilaksanakan, didapati terdapat '*erosion scarp*' yang ketara menunjukkan terdapat fenomena hakisan pantai di kawasan Pantai Batu Ferringhi.



Gambar 6 : '*Erosion scarp*'.

Lanjutan daripada masalah yang berlaku di pantai Batu Ferringhi, pihak JPS telah menjalankan kajian dan reka bentuk terperinci pada tahun 2010 iaitu dengan melantik Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd sebagai jurutera perunding kajian ini. Dua objektif utama kajian ini adalah untuk:

- a) membolehkan air sungai mengalir keluar ke dalam laut; dan
- b) meningkatkan kualiti air laut bagi tujuan rekreasi.

Cadangan skop projek ini hasil dari kajian reka bentuk terperinci terbahagi kepada beberapa iaitu:

Pengurusan di Sungai & Pantai di kawasan Batu Ferringhi

- a) Pembinaan *Outlet Structure*;
- b) Pembinaan *Outfall Structure*;
- c) Penambakan Pasir (*Beach Nourishment*);
- d) Pembinaan Loji Rawatan Air/ *River Water Treatment Plant* (RWTP) di Sungai Mas; dan
- e) Pembinaan *constructed wetland* di Sungai Batu Ferringgi dan Sungai Satu.